

ERDEC anjur Kolokium bersama University of Westminster dan TTU

Terakhir dikemaskini: Selasa, 20 Jun 2017 18:19 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 408

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


SELASA, 20 JUN 2017 - Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (ERDEC), Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan program kolokium dengan kerjasama University of Westminster dan Texas Tech University (TTU) di Hotel Grand Borneo, baru-baru ini.

Menurut kenyataan ERDEC, program itu telah dihadiri seramai 40 peserta daripada kalangan ahli akademik dan penyelidik Institusi Pendidikan Tinggi di Sabah.

Kenyataan itu memaklumkan, penceramah yang menjayakan program itu ialah Prof. Dr. Alison Rieple dan Dr. Jane Chang dari University of Westminster, Prof. Madya Dr. Micheal

Farmer (Texas Tech University), serta Prof. Madya Dr. Balan Rathakrishnan dan Dr. Bonaventure Boniface dari UMS.

Bertemakan "Peranan Keusahawanan Dalam Kemampanan Perusahaan Kecil Di Kepelbagaian Industri", kenyataan itu memaklumkan ia antara lain diadakan bagi membincangkan sumbangan besar perusahaan kecil kepada ekonomi tempatan dan global.

Aktiviti dimulakan dengan bertemakan 'Entrepreneurship And Smallholder' yang dikendalikan Dr. Bonaventure melalui pembentangan kertas bertajuk 'The Multidiscipline Research : A Case Study In Semporna's Seaweed Industry in Sabah'.

Ia kemudian disusuli Prof. Madya Dr. Balan dengan pembentangan bertajuk 'Life Skills As A Predictor Of Psychological Wellbeing And Mental Health Among Youth Entrepreneur'.

Kertas kedua pula disampaikan Prof. Dr. Alison dengan tajuk 'Institutional Influence On Innovation Adoption In Rural Communities – The Case Of Palm Oil Smallholders In Sabah' dan 'Transfering Entrepreneurial Theory To Rural Contexts – Newton Fund' oleh Dr. Jane Chang.

Ia diteruskan dengan pembentangan kertas ketiga daripada Prof. Madya Dr. Micheal dengan tajuk 'The Economics Of Sustainable Livelihoods As A Factor In Rural Entrepreneurship Is A Good Topic'.

Kesemua peserta turut diminta mengadakan sesi perbincangan dalam kumpulan bertemakan 'Smallholder And Innovation: Issues and Challenges' yang menyaksikan perbincangan tersebut menjurus kepada isu-isu dan cabaran serta cadangan penyelesaian dalam keusahawanan.

Menurut kenyataan ERDEC lagi, kolokium itu juga menjadi medan kepada para peserta untuk berbincang, berkongsi idea dan berdebat mengenai isu-isu baru yang muncul dalam bidang keusahawanan dan inovasi.

Kolokium yang berlangsung selama dua hari itu turut membawa para peserta melawat ke kawasan memproses dan menternak madu kelulut di Kampung Waig-Waig, Kiulu.

Mereka juga kemudiannya singgah ke Kampung Poturidong, Kiulu untuk melihat kawasan pelancongan Tagal dan 'Water Rafting'.

